MAHATHIR-BELIA 1984

KOTA KINABALU, 16 FEB (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA KEJAYAAN MENGINTEGRASI DAN PERPADUAN DI KALANGAN PENDUDUK BERBILANG KAUM DI NEGARA INI TERLETAK DI BAHU PUCUK PEMIMPIN PARTS DARIPADA GOLONGAN BELIA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEPADA MEREKALAH TERLETAKNYA TUGAS MENEBAL-KAN LAGI INTEGRASI DAN PERPADUAN ITU DI KALANGAN PENDUDUK BERBILANG KAUM.

DALAM PERUTUSANNYA KEPADA KHEMAH-KERJA PERGERAKAN PEMUDA UMNO-BERJAYA-PBB DI KENINGAU, OEKAT SINI, YANG BERMULA AHAD INI, BELIAU BERKATA KHEMAH-KERJA +BELIA DAN INTEGRASI NASIONAL+ ITU SANGAT-SANGAT DIALUKAN BUKAN SAHAJA OLEH PARTI BAHKAN JUGA OLEH RAKYAT JELATA.

+MELALUI KHEMAH-KERJA INI, DAPATLAH KITA MENGUMPULKAN TENAGA, BUAH FIKIRAN SERTA PANDANGAN PARA BELIA DI NEGERI SABAH, DAN RAKAN-RAKAN MEREKA DARI SARAWAK DAN' SEMENANJUNG OAN DIGABUNGKAN KE ARAH MELAHIRKAN SATU RESOLUSI MENGENAI INTEGRASI YANG BENAR-BENAR MEMBINA.

+RESOLUSI YANG MEMBINA INILAH YANG AKAN MEMBANTU BELIA MEMAINKAN PERANAN MEREKA BAGI MEWUJUDKAN SEBUAH NEGARA, YANG BERSATU DAN KUKUH,+ TEGAS OATUK SERI DR. MAHATHIR. -- LAGI 1827/ZI

MAHATHIR-BELIA 2 KOTA KINABALU

DI SAMPING ITU, KATANYA, BELIA-BELIA YANG MEMPUNYAI BAKAT KEPIMPINAN AKAN DAPAT DICUNGKIL DAN DIKETENGAHKAN MENJADI PEMIMPIN MASADEPAN YANG BENAR-BENAR BERKEUPAYAAN MENYATU-PADUKAN SEMUA KAUM DAN SEGENAP LAPISAN RAKYAT MALAYSIA.

DALAM PERUTUSANNYA PULA, PRESIOEN PARTI BERJAYA, OATUK HARRIS SALLEH BERKATA SABAH TELAH LAMA MENEKANKAN BETAPA PENTINGNYA DIPERHEBATKAN LAGI PROSES INTEGRASI NASIONAL BAGI MENANAMKAN IDENTITI MALAYSIA SEBENARNYA.

KETUA MENTERI BERKATA HASPL USAHA-USAHA GIGIH DAN LANGKAH-LANGKAH POSITIF YANG TELAH DIAMBIL OLEH KERAJAAN NEGERI SABAH MENURUT INISIATIFNYA SENDIRI UNTUK MENCAPAI INTEGRASI NASIONAL KINI MENDAPAT PERHATIAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA UNTUK MENCAPAI INTEGRASI NASIONAL DAN PERPADUAN NEGARA YANG SEBENARNYA, HENDAKLAH DITANAMKAN DI HATI ANAK-ANAK DAN PARA BELIA APA ERTI MALAYSIA DAN APAKAH KEPENTINGAN MEREKA DALAM MALAYSIA.

DATUK HARRIS PERCAYA KHEMAH-KERJA INI AKAN DAPAT MENGHASILKAN SYOR-SYOR POSITIF YANG BOLEH DILAKSANAKAN DALAM USAHA MENCAPAI INTEGRASI NASIONAL DAN PERPADUAN NEGARA SECEPAT MUNGKIN. -- LAGI

MAHATHIR-BELIA 3 KOTA KINABALU

SERAMAI 250 ORANG ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA DARI KETIGA-TIGA PARTS BERKENAAN AKAN MENYERTAI KHEMAH-KERJA SELAMA EMPAT HARI ITU.

PEROANA MENTERI AKAN MERASMIKANNYA PADA PETANG HARI AHAD HANAKALA DATUK HARRIS AKAN MENUTUPNYA PAOA 21 FEB. UPACARA PEMBUKAAN OAN PENUTUP AKAN BERLANGSUNG DI KOMPLEKS SUKAN KENINGAU.

ANTARA PEMBENTANG KERTAS-KERJA IALAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR. JAMES ONGKILI, YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN PARTI BERJAYA, KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO, ENCIK ANWAR IBRAHIM DAN KETUA PERGERAKAN PEMUDA BERJAYA, HAJI YAHYA LAMPONG. -- BERNAMA